

**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTthem)**

www.jthem.com



**HUBUNGAN ANTARA MODAL INSAN DENGAN
PEMERKASAAN SOSIAL PESERTA PROJEK YAYASAN
SEJAHTERA DI MALAYSIA**

*RELATIONSHIP BETWEEN HUMAN CAPITAL AND SOCIAL EMPOWERMENT
DRAWN FROM YAYASAN SEJAHTERA PROJECT IN MALAYSIA*

Sara Shakilla Mohd Salim^{1*}, Muhammad Nur Aizzuddin Norafandi²

¹ Jabatan Moral, Sivik dan Pembangunan Karakter, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: sara.salim@fsk.upsi.edu.my

² Jabatan Moral, Sivik dan Pembangunan Karakter, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: mnaizzuddin@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.07.2021

Revised date: 16.08.2021

Accepted date: 30.09.2021

Published date: 31.10.2021

To cite this document:

Salim, S. S. M., & Norafandi, M. N. A. (2021). Hubungan Antara Modal Insan Dengan Pemerksaan Sosial Peserta Projek Yayasan Sejahtera Di Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (25), 52-62.

DOI: 10.35631/JTthem.625005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini membincangkan hubungan antara modal insan peserta projek Yayasan Sejahtera yang terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan kebolehan dengan pemerksaan sosial. Modal insan merupakan antara isu yang diberi perhatian kerana ia merupakan komponen asas dan bentuk usaha dalam mencapai matlamat pembangunan komuniti secara mampan. Pembentukan pemerksaan sosial komuniti merupakan satu proses yang kompleks yang mengkehendakkan komuniti itu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menjana potensi yang ada dalam komuniti dan digunakan untuk mengawal selia aktiviti komuniti yang memberi anjakan bersesuaian dengan kemampuan komuniti. Kajian ini merupakan kajian survei dengan pengumpulan data menggunakan borang soal selidik. Teknik persampelan rawak mudah digunakan dalam pemilihan responden daripada 13 projek di ketiga-tiga negeri iaitu Kelantan, Sabah dan Sarawak. Sebanyak 305 responden terlibat dalam kajian ini dengan pengumpulan data secara berperingkat mengikut kawasan projek dan negeri. Umumnya, dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan sederhana dalam hubungan modal insan dan pemerksaan sosial peserta projek. Ini menunjukkan bahawa pembangunan yang berfokuskan modal insan dapat meningkatkan kecekapan, keupayaan, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan ahli komuniti yang dapat digambarkan sebagai perubahan kemanusiaan. Perubahan ini mampu memberi kesan kepada keupayaan individu untuk

mengembangkan hubungan sosial dalam konteks kehidupan mereka melalui hubungan antara peserta lain dalam kalangan projek yang terlibat, hubungan yang dibina dengan pihak agensi projek dan hubungan dengan pihak-pihak atau badan-badan luar agensi. Pembentukan pemerksaan komuniti merupakan satu proses yang kompleks yang mengkehendakkan komuniti itu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menjana potensi yang ada dalam komuniti. Pemerksaan yang terbina mampu mempertahankan hak komuniti dan tidak mudah dipersenda, dimanipulasi mahupun ditipu oleh mana – mana pihak.

Kata Kunci:

Modal Insan, Pemerksaan Sosial, Projek Komuniti, Pembangunan Komuniti

Abstract:

This article discusses the relationship between the human capital of the participants of the Yayasan Sejahtera project that consists of the components of knowledge, skills, and abilities related to the social empowerment of the participants. The discussion in this article emphasises the relationship of these two variables among participants in this project. Human capital is amongst the issues that are given attention due to it being a basic component in shaping and achieving sustainable community development. The formation of community social empowerment is a complex process that requires the community to have the knowledge and skills to generate the potential in the community and be used to regulate community activities that provide social shifts according to the community's capabilities. This is a survey study with data collected using a questionnaire. Simple random sampling is used in the selection of respondents from 13 projects in three states, namely Kelantan, Sabah, and Sarawak. A total of 305 respondents were involved in this study according to the stages of the project area and state. Generally, this study found that there is a significant and moderate relationship between human capital and the social empowerment of project participants. It shows that development that focuses on human capital can increase competencies, capabilities, skills, knowledge, and experience among community members, which can then be described as humanitarian change. These changes are capable of impacting individuals' ability to maintain social relationships in the context of their lives through relationships between other participants within the project involved, relationships built with project agencies, and relationships with parties or bodies outside the agency. Community empowerment is a complex process that requires the community to have the knowledge and skills to generate the potential that exists in the community. The existing empowerment in the community is able to defend the rights of the community and is not easily ridiculed, manipulated, nor deceived by any party.

Keywords:

Human Capital, Social Empowerment, Community Project, Community Development

Pengenalan

Pembangunan komuniti dianggap sebagai satu usaha yang membawa kepada perubahan dalam kehidupan komuniti (Asnarulkhadi, 2012). Dalam membincangkan pembangunan komuniti di Malaysia, Maimunah Ismail (2001) merujuk kepada pembangunan komuniti sebagai proses memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat dengan meningkatkan tahap kehidupan, menambah pilihan dalam peluang pekerjaan dan meningkatkan kapasiti sumber dan perkhidmatan yang sedia ada. Pembangunan komuniti menyediakan kerangka yang lebih baik untuk individu dalam masyarakat untuk bekerjasama dengan pasaran berkongsi matlamat, tanggungjawab dan peranan yang jelas, dan kefahaman yang holistik tentang pembangunan komuniti (Community Development Agenda, 1998).

Selain itu, Hamann (2006) dan Barney (2003) juga menyatakan bahawa salah satu usaha pembangunan komuniti adalah melalui projek mengurangkan kemiskinan. Bagi mengatasi masalah kemiskinan dan ketidakupayaan komuniti dalam pelbagai aspek, pelbagai program dan projek telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi termasuk Yayasan Sejahtera (YS) untuk meningkatkan taraf kehidupan diri, keluarga dan juga komuniti. Projek komuniti seperti ini dapat dilihat sebagai satu proses dalam membangunkan komuniti kerana ia adalah satu proses yang bersifat dinamik dan melibatkan satu perubahan yang bersifat progresif dan menyeluruh ke atas komuniti. Menerusi penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut dapat membina keupayaan komuniti melalui penambahan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka. Selain itu, penglibatan komuniti juga mengizinkan proses pembelajaran berlaku iaitu ahli komuniti memperolehi ilmu, nilai-nilai dan kemahiran daripada penglibatan mereka dalam aktiviti komuniti yang dilihat sebagai modal dalam komuniti. Ahli komuniti yang melibatkan diri dalam aktiviti projek mendapat faedah material dan bukan material dan menggunakannya dalam mencapai matlamat (Kenneth et.al 2013).

Sementara itu, pemerksaan pula boleh dilihat sebagai satu proses melalui penglibatan (Asnarulkhadi, 2009). Menerusi penglibatan banyak faedah yang diperolehi oleh komuniti sama ada faedah bersifat kebendaan dan bukan kebendaan yang mampu meningkatkan keupayaan, kemampuan dan kebolehan komuniti. Komuniti yang berdikari dan berdaya upaya mampu dilahirkan melalui penglibatan. Daya dan potensi yang ada pada setiap individu dapat dicungkil, dikembang dan dimanipulasi sehingga mereka mampu merancang, melaksana dan membuat keputusan dalam medium penglibatan melalui inisiatif pembangunan komuniti itu sendiri. Individu juga perlu mempunyai sumber seperti pengetahuan, kemahiran, kedudukan dan lain lain bagi membolehkan mereka mengambil tindakan dan seterusnya membuat keputusan. Keupayaan membuat keputusan pula bergantung kepada sejauhmana mereka berupaya menterjemahkan matlamat diri, organisasi dan komuniti dan membuat pilihan dalam menentukan arah tuju kehidupan yang lebih baik. Secara kesimpulannya, komuniti yang telah berdayaupaya merupakan komuniti yang mampu berdikari dan membuat keputusan dengan bijak. Komuniti yang mempunyai daya mampu meningkatkan potensi diri mereka melalui pembelajaran dalam merancang, merangka strategi, membuat keputusan, mencari dan menguruskan sumber dalam komuniti dan memimpin. Komuniti yang berjaya mempunyai elemen pemerksaan akan mudah mencapai matlamat sekaligus kesejahteraan hidup dapat dinikmati. Desai (2002) mengatakan pemerksaan boleh dicapai menerusi tiga cara iaitu kuasa, pengaruh dan penglibatan. Menurut beliau, seseorang individu yang mengambil bahagian dalam aktiviti komuniti mampu mempengaruhi proses aktiviti tersebut. Sejauh mana seseorang itu boleh mempengaruhi proses aktiviti bergantung kepada kuasa yang dimiliki oleh individu. Mohan (2002) percaya bahawa kuasa secara kolektif secara sosial dilihat lebih efektif dalam

mempengaruhi pembuatan keputusan dan seterusnya dalam polisi pembangunan. Selain itu, pemeraksanaan merupakan satu proses yang kompleks di mana ahli komuniti melibatkan diri dan terikat dengan aktiviti untuk mencapai matlamat dan dalam proses pencapaian matlamat itu membolehkan komuniti melatih dan mempraktis keupayaan mereka dalam membawa dan membuat perubahan dalam kehidupan mereka (Asnarulkhadi, 2009). Daya manusia juga boleh diperkembang dan dipertajam semasa ahli komuniti menjayakan projek bagi mencapai matlamat dan menerusi proses inilah pengalaman, kebolehan, kemahiran dan pengetahuan bertambah sekaligus meningkatkan daya dan potensi dalam diri.

Tinjauan Literatur


Bahagian ini menekankan kepada tinjauan literatur berkaitan modal insan dalam konteks pembangunan komuniti, dimensi pemeraksanaan sosial dan hubungan antara modal insan dan pemeraksanaan sosial tersebut. Pembangunan modal insan juga menyumbang kepada manfaat persaingan dalam kebanyakan modal – modal dalam komuniti (Lee & Lee, 2018; Bowles & Gintis, 2007). Modal insan juga dibentuk secara sedar melalui latihan dan pendidikan dan secara tidak sedar melalui pengalaman (Ostrom, 1993). Van der Veen (2003) menegaskan bahawa latihan dan didikan secara individu dalam sesebuah komuniti yang berlaku secara tidak formal juga merupakan satu alternatif dalam pembangunan komuniti. Pendidikan komuniti boleh berlaku secara formal dan tidak formal di mana pendidikan formal pada kebiasaannya mempunyai matlamat khusus dan ditentukan oleh pihak atasan (kerajaan) dalam sesebuah negara. Manakala pendidikan tidak formal merujuk kepada proses pembelajaran sosial yang berlaku dalam komuniti melalui agen perubahan sebagai penggerak dalam membangunkan komuniti (Zahid et. al, 2008). Pembelajaran sosial melibatkan agen perubahan yang bekerjasama dengan ahli komuniti berkaitan masalah komuniti dan komuniti belajar mentadbir diri mereka bermula mengenalpasti masalah sehingga melaksanakan tanggungjawab untuk mengatasi masalah tersebut. Ini menunjukkan berlaku pendidikan di mana penglibatan komuniti setempat dalam proses pembangunan (Asnarulkhadi et.al, 2007). Dalam sesebuah komuniti, modal insan dilihat sebagai satu bentuk pelaburan yang merangkumi aktiviti (latihan, pendidikan, pengetahuan dan kemahiran) dalam meningkatkan prestasi seseorang (Maran et.al, 2009). Sebahagian besar pengetahuan manusia juga diperolehi melalui pendidikan, pengalaman, media massa mahupun dalam kalangan ahli komuniti (Notoatmodjo, 2003). Talib et. al (2010) dalam kajiannya mendefinisikan kemahiran adalah kemampuan komuniti yang mempunyai pengetahuan sebagai satu persediaan untuk melaksanakan sesuatu perkara. Modal insan yang dimiliki oleh setiap komuniti adalah unik dan bergantung pada persekitaran penempatan komuniti seperti yang ditegaskan oleh Briggs et.al (2007) yang mengkaji pengetahuan komuniti di lokasi yang berbeza. Oleh itu, pemilikan modal insan manusia adalah berbeza, sama ada dalam memberi tafsiran, asas pembentukan dan tujuan penggunaannya. Teori modal insan yang moden mula mewujudkan hubungan antara pendidikan dan kesannya terhadap keupayaan manusia bagi memperoleh pendapatan yang lebih tinggi dalam kalangan komuniti (Becker, 2009).

Pemeraksanaan dalam konteks sosial merujuk kepada keupayaan individu untuk mengawal kehidupan mereka dan menguasai persekitaran melalui pembentukan hubungan dan interaksi untuk kesejahteraan hidup dan produktiviti (Mokomane, 2012). Putnam (2000) menjelaskan bahawa pemeraksanaan sosial merujuk kepada tiga dimensi iaitu ikatan kebersamaan, jalinan hubungan dan rangkaian kerjasama antara ahli dalam komuniti. Ini merujuk kepada kepada keupayaan individu untuk mengekalkan hubungan sosial dalam konteks kehidupan mereka

melalui hubungan antara peserta lain dalam kalangan projek yang terlibat, hubungan yang dibina dengan pihak agensi projek dan hubungan dengan pihak-pihak atau badan-badan luar agensi. Pembangunan dalam konteks sosial dilihat dapat meningkatkan kecekapan, keupayaan, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan ahli komuniti yang dapat digambarkan sebagai perubahan kemanusiaan yang berlaku dalam pembangunan komuniti (Craig, 1996). Pemerksaan juga berlaku dalam konteks sosial melalui daya manusia komuniti memperolehi pengalaman, kebolehan, kemahiran dan pengetahuan yang bertambah menerusi aktiviti tindakan sosial mereka (Asnarulkhdi, 2005). Tindakan sosial mereka didorong oleh keperluan atau menangani sesuatu masalah yang dikenal pasti, membuat tindakan, membuat rancangan serta melaksanakan rancangan secara bersama. Menerusi proses ini akan meningkatkan daya atau potensi diri sekaligus membentuk pemerksaan sosial dan memberi kesan kepada konteks persekitaran komuniti mereka (Asnarulkhadi, 2005). Selain itu, doktrin pembangunan yang berfokuskan kepada modal insan juga memberi impak ke atas psikologi atau dalaman ahli komuniti apabila mereka disedarkan tentang hak dan keperluan dalam menikmati proses pembangunan mengikut keperluan dan kesesuaian mereka. Melalui pendedahan terhadap modal insan ahli komuniti berupaya untuk belajar dan menguasai hidup dan pada peringkat ini pemerksaan individu terbentuk (Zahid et al, 2008). Jika dilihat kepada polisi baharu pembangunan komuniti iaitu kumpulan sasaran yang ingin dibangunkan perlu mempunyai potensi diri. Fahaman ini sejajar dengan orientasi *homocentric* yang berfokuskan kepada pembangunan manusia sebagai keupayaan yang boleh berkembang dan bertambah (Asnarulkhadi, 2010). Keupayaan manusia juga boleh dilihat sebagai efikasi diri melalui kepercayaan yang terbentuk daripada pengalaman dalam jangka waktu yang tertentu hasil daripada pendedahan pembelajaran dalam konteks persekitaran (James E. Maddux, 2000). Konsep pembangunan komuniti juga menggambarkan pembangunan keupayaan komuniti melalui pembentukan kemahiran, pengetahuan, jaringan, keyakinan dan kepimpinan yang menjadi keutamaan dalam proses perubahan hidup yang lebih berkualiti (Robinson dan Green, 2011).

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan (*survey*) keratan rentas (*cross sectional*). Ia dapat memberikan penjelasan mengenai peringkat penglibatan peserta Yayasan Sejahtera (YS) dengan mengkaji sampel daripada populasi kajian. Rekabentuk ini juga dipilih berdasarkan pengumpulan data kajian dilakukan sekali sahaja tanpa diulang pada masa yang lain dan pada responden yang sama (Alreck & Settle, 2004). Kaedah survei yang digunakan mampu untuk digeneralisasikan ke atas peserta-peserta YS dengan mengukur sejumlah sampel daripada populasi kajian tersebut. Kaedah survei ialah kajian yang melibatkan saiz sampel yang lebih besar daripada kajian kes. Survei juga adalah antara kaedah yang terbaik kepada penyelidik sains sosial yang berminat mengumpulkan data primer bagi menerangkan atau memerihalkan fenomena yang melibatkan populasi yang besar. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan berstrata pelbagai peringkat. Kaedah ini dipilih kerana ia mengambil kira ciri yang wujud dalam populasi di pelbagai peringkat. Persampelan berstrata membolehkan bilangan peserta YS yang tidak seragam pada setiap lokasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Ia merupakan teknik persampelan kebarangkalian yang mana penyelidik membahagikan keseluruhan populasi kepada strata yang berbeza, kemudian memilih secara rawak subjek akhir secara berkadar daripada strata yang berbeza. Sebanyak 305 orang responden terlibat dalam kajian ini. Rajah 1 di bawah menunjukkan prosedur persampelan berstrata dalam kajian.

Rajah 1: Prosedur Persampelan Pelbagai Peringkat

Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina dan diadaptasi oleh Thomas (2013) daripada sumber kajian lepas iaitu OECD (2001), Garavan et.al (2001) dan Fitzsimons (1999) berkaitan teori modal insan dalam aspek prestasi pekerja. Penyelidik mengadaptasi konteks pekerja ke atas peserta YS yang menjalankan aktiviti ekonomi dan sejauhmana pencapaian mereka dalam aktiviti yang diusahakan tersebut dalam konteks pemeraksanaan sosial. Indeks kebolehpercayaan instrumen (nilai cronbach's alpha) bagi soal selidik modal insan Thomas (2013) ialah atas 0.91. Soal selidik ini merangkumi pengetahuan dan kemahiran yang terdiri daripada nilai dan prosedur pelaksanaan di mana masing-masing mempunyai 7 item sementara kebolehan pula terdiri daripada nilai daya kreativiti dan inovatif serta nilai pembangunan diri yang mempunyai 11 item.

Sementara itu, pemeraksanaan sosial pula penyelidik menggunakan idea Putnam (2000) yang terdiri daripada 12 item merangkumi ikatan kebersamaan, jalinan hubungan dan rangkaian kerjasama. Pembinaan soal selidik diambil serta diadaptasikan daripada gabungan beberapa orang sarjana iaitu Larsen et.al (2004), Wu et al., (2006) dan Park, Lee, Choi & Yoon (2012). Indeks kebolehpercayaan instrumen (nilai Crobanch's Alpha) bagi keyakinan soal selidik bagi

ketiga-tiga sarjana ini ialah atas 0.87, 0.70 dan 0.76. Soal selidik modal insan dan pemeraksanaan sosial menggunakan skala likert 5 markat iaitu daripada tahap yang paling rendah iaitu daripada sangat tidak setuju kepada sangat setuju.

Analisis korelasi Pearson digunakan untuk mengenalpasti hubungan signifikan antara variabel modal insan (pengetahuan, kemahiran dan kebolehan) dengan pemeraksanaan sosial. Kekuatan nilai Pearson kajian ditentukan dengan menggunakan garis panduan yang disarankan oleh Cohen (1988) seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:-

Jadual 1: Garis Panduan untuk Mentafsir Kekuatan Nilai Pearson

Pekali korelasi (r)	Kekuatan hubungan
.10 hingga .29	Lemah
.30 hingga .49	Sederhana
.50 hingga 1.0	Kuat

Sumber : Cohen (1988)

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian analisis korelasi berdasarkan Jadual 2 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif dan sederhana dalam hubungan antara modal insan dan pemeraksanaan sosial peserta projek. Ini menunjukkan modal insan yang dimiliki daripada penglibatan projek tersebut mampu membentuk pemeraksanaan sosial peserta. Modal insan responden adalah merangkumi pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang diperolehi dalam penglibatan projek dan mempunyai hubungan terhadap pembentukan pemeraksanaan sosial dalam kalangan mereka. Bentuk latihan dan kursus yang diterima dan diaplikasikan oleh responden telah membina keupayaan mereka untuk bersikap positif terutama dalam menyelesaikan masalah serta mampu membina keupayaan yang bersifat mampan melalui pemeraksanaan sosial dalam meningkatkan kualiti hidup antara konteks sosial mereka. Pembelajaran dalam komuniti juga merupakan medium yang lebih efektif bagi memenuhi keperluan individu secara sosiologi kerana mampu meningkatkan keyakinan serta kefahaman mereka tentang nilai diri serta kehidupan yang sebenar (Asuka, 2002). Dengan modal insan yang dimiliki ia memberi kesan ikatan kebersamaan, jalinan hubungan dan rangkaian kerjasama yang baik antara ahli komuniti dan juga dengan pihak luar komuniti.

Sementara itu, pembentukan modal insan dalam diri komuniti juga dapat menzahirkan komuniti yang berpengetahuan, berpengalaman dan berkebolehan yang boleh pula menjana intelektual apabila ia terus dipupuk dalam diri komuniti. Individu yang terlibat dalam aktiviti perkumpulan mampu untuk membentuk pemeraksanaan dalaman seperti kekuatan dalam berhadapan dengan masalah (Zimmerman & Rappaport, 1998) dan ia merupakan aspek penting dalam mengekalkan hubungan sosialisasi yang baik dalam komuniti. Faktor pengetahuan juga merupakan faktor kognitif (Haris, 2006) dan berlaku dalam proses pembentukan keupayaan individu, kumpulan atau komuniti serta dapat dipamerkan melalui kebolehan dan kemampuan memahami, menginterpretasi masalah dan keperluan (May, Mendelson & Ferketich, 1995). Pemeraksanaan yang berlaku dalam konteks sosial melalui daya manusia iaitu komuniti memperoleh pengalaman, kebolehan, kemahiran dan pengetahuan yang bertambah menerusi aktiviti tindakan sosial mereka (Asnarulkhdi, 2005). Tindakan sosial mereka didorong oleh keperluan atau menangani sesuatu masalah yang dikenal pasti, membuat tindakan, membuat rancangan serta melaksanakan rancangan secara bersama. Menerusi proses ini akan

meningkatkan daya atau potensi diri sekaligus membentuk pemerksasaan sosial di mana memberi kesan kepada konteks persekitaran komuniti mereka (Asnarulkhadi, 2005).

Jadual 2: Hubungan antara Modal Insan dan Pemerksasaan Sosial

		Modal Insan	Pemerksasaan Sosial
Modal Insan	Pearson Correlation	1	.444**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	305	305
Pemerksasaan Sosial	Pearson Correlation	.444**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	305	305

*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed)

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (1-tailed)

Kesimpulan

Penglibatan komuniti dalam program pembangunan bukan sahaja memberi faedah kepada dirinya malah tetapi juga kepada kumpulan dan juga komuniti. Hardina (2003) telah melihat kepentingan dan faedah penglibatan kepada individu, kumpulan, organisasi atau komuniti dalam pembangunan yang banyak dibincangkan secara meluas oleh para sarjana terutama kesan penglibatan tersebut ke atas pembentukan pemerksasaan. Melalui penglibatan, banyak faedah diperoleh oleh komuniti sama ada bersifat kebendaan dan bukan kebendaan yang mampu meningkatkan keupayaan, kemampuan dan kebolehan mereka (Asnarulkhadi, 2005). Pemerksasaan komuniti pula menggambarkan komuniti yang mempunyai kuasa dalam menentukan bentuk pembangunan yang diinginkan dan mempunyai hak dalam membuat keputusan dalam konteks sosialisasi mereka.

Dalam konteks kajian ini, dapatan kajian menunjukkan modal insan bertindak sebagai faktor kepada pembentukan pemerksasaan sosial responden. Ini membuktikan bahawa aspek modal insan yang diperolehi daripada penglibatan projek mampu untuk memperksakan keadaan sosial mereka. Hasil kajian ini selari dengan pendapat Youngman, 2000; Jarvis, 1983; Brookfield, 1983; Lovette; 1982 yang mengatakan proses pembelajaran yang berlaku dalam komuniti dikenali sebagai pendidikan sosial, pendidikan dewasa atau juga pendidikan sepanjang hayat yang mampu mengukuhkan lagi keupayaan dan kekuatan komuniti di samping meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Tambahan lagi, Aquino, Lück dan Schänzel (2018) juga memberikan kesimpulan yang sama, di mana pemerksasaan komuniti menjadi satu perkara yang penting dalam kajian mereka. Di samping itu, dapatan kajian ini juga boleh membantu dalam merealisasikan matlamat ke-11 Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, di mana masyarakat yang perkasa mampu untuk membantu negara menjadi lebih berdaya-saing, sekaligus memampakan kemajuan (United Nations, 2021). Secara keseluruhannya, aspek modal insan yang diperolehi daripada penglibatan projek

mampu untuk memperkasakan keadaan sosial mereka, dan keadaan ini disokong juga oleh beberapa kajian dan dasar yang berkaitan.

Kesimpulannya, modal insan boleh digambarkan dalam bentuk modal insan umum (tahap pendidikan dan pengalaman) serta modal insan spesifik (pendidikan berkaitan kerja yang dilakukan, kemahiran spesifik, pengalaman dan pengurusan dalam bidang yang berkaitan) seperti yang dinyatakan oleh Ganotakis (2010) dalam konteks kehidupan komuniti. Gibbon et. al (2002) menyenaraikan tiga komponen yang dikenal pasti untuk meningkatkan keupayaan komuniti dalam program pembangunan antaranya pengetahuan dan kemahiran, kesediaan kepimpinan dan sokongan penglibatan komuniti. Terdapat banyak kajian memperlihatkan kepentingan modal insan dalam menambah keupayaan dan prestasi seseorang. Pembangunan komuniti dapat dilaksanakan dengan keupayaan komuniti itu sendiri sebagai satu proses melalui medium penglibatan di mana pembentukan modal insan juga dapat dipertingkatkan sekaligus dalam diri komuniti melalui proses pemerksaan tersebut.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada tajaan penerbitan Geran Penerbitan Kerjasama UMS dan UPSI (TLS2113) yang dibiayai Global Academic Excellence (GAE). Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Global Academic Excellence (GAE) yang telah memberi peruntukan untuk membiayai penerbitan ini.

Rujukan

- Aquino, R. S.; Lück, M; & Schänzel H. A. (2018). A conceptual framework of tourism social entrepreneurship for sustainable community development. *Journal of Hospitality and Tourism Management*. Volume 37, 23-32. <https://doi.org/10.1016/j.jhtm.2018.09.001>.
- Asnarulkhadi Abu Samah (2005) *Pendayaupayaan Komuniti Melalui Penglibatan : Satu Penilaian Umum Terhadap Pembangunan Komuniti*, *Malaysian Journal of Social Policy & Society*, Volume 2.
- Asnarulkhadi (2009). Empowerment as an approach for community development in Malaysia. *World Rural Observations*, 1(2), 63-68.
- Asnarulkhadi Abu Samah, & Aref, F. (2012). The theoretical and conceptual framework and application of community empowerment and participation in process of community development in Malaysia. *Journal of American Science*, 7(2), 187-195.
- Asuka, T.T. (2002) "Mass Education as a process of Adult Education in Nigeria". *Journal of Teacher Education and Teaching* 8 (2), 51-61.
- Barney I (2003). *Business, Community Development and Sustainable Livelihood Approach*. *Community Development Journal* 38 (3). 255-265.
- Becker, G.S. (2009). *Human capital: A theoretical and empirical analysis, with special reference to education*. University of Chicago Press.
- Briggs, J; Sharp J; Yacoub, H; Hamed, N & Roe, A (2007). The Nature of Indigeneous Environmental Knowledge Production: Evidence from Bedouin Communities in Southern Egypt. *Journal of International Development* 19: 239-251.
- Craig, G., & Mayo, M. (1996). *Community empowerment: A reader and participation and development*. New Jersey: Zed Books.
- Cohen J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. Hillsdale, NJ: Erlbaum. Diambil daripada <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/0305750x8090011X>.

- Desai, V. (2008). Community participation in development, In *The companion to development studies*. Edisi ke-2. (hlm. 115-119). London: Hodder Education.
- Fitzsimons, F. (1999). Human Capital Theory and Education. *The Encyclopedia of Education* London : McMillan.
- Garavan, T.N (2001). Human Capital Accumulation: The Role of Human Resources Development. *Journal of European Industrial Training*, 25 (2), 48-68.
- Hamann R (2006). Can Business make Decisive Contributions to Development? Towards a Research agenda on Corporate Citizenship and Beyond. *Development Southern Africa* 23 (2), 175-195.
- Hardina, D. (2003). Linking citizen participation to empowerment practice. *Journal of Community Practice*, 11(4), 11-38.
- Israel, B. A., Checkoway, B., Schulz, A., & Zimmerman, M. (1994). Health education and community empowerment: Conceptualizing and measuring perceptions of individual, organizational, and community control. *Health Education Quarterly*, 21(2), 149-170.
- James e. Maddux (2000). Self-efficacy: the power of believing you can (in press). Snyder, C. R., & Lopez, S. J. (Eds.). *Handbook of positive psychology*. New York: Oxford University Press.
- Kenneth Pigg, Stephen P.Gasteyer, Kenneth R.Martin, Kari Keating & Godwig P.Apaliyah (2013). The Community Capital Framework: An Empirical Examination of Internal Relationships. *Journal Community Development & Society*.ISSN: 1557-5330.
- Larsen, L., Harlan, S. L., Bolin, B., Hackett, E. J., Hope, D., Kirby, A., Wolf, S. (2004). Education and Research Social Capital and Civic Action. *Journal of Planning Education and Research*, 24(64).
- Lee, Y. and Lee, Y. (2018), "A multilevel analysis of individual and organizational factors that influence the relationship between career development and job-performance improvement", *European Journal of Training and Development*, Vol. 42 Nos 5/6, pp. 286-304.
- Maran, M., Lawrence, A. and Maimunah, I. (2009), "Human capital development and its impact on firm performance: evidence from development economic", *The Journal of International Social Research*, Vol. 2 No. 8.
- Mokomane, Z. (2012). *Role of families in Social and Economic Empowerment of Individuals*. United Nation, New York.
- Organization for Economic Cooperation and Development OECD (2001). *The Well being of Nation: The Role of Human and Social Capital, Education and Skills*. OECD Centre for Educational Research and Education. Paris, France.
- Park, D., Lee, K., Choi, H., & Yoon, Y. (2012). Factors influencing social capital in rural tourism communities in South Korea. *Tourism Management*. 33(6), 1511-1520.
- Putnam, R. (2000). Tuning in, Tuning Out: The Strange Disappearance of Social Capital in America. *Political Science and Politics*, December. pp.664-683.
- Robinson, J. (2011). *Introduction to community development: Theory, practice, and service learning*. Los Angeles: SAGE Publications, Inc.
- Thomas, K (2013). *Relationships between Organizational Capital and Employee Work Performance in Malaysian Public Organizations*. Universiti Putra Malaysia.
- United Nations. (2021). Goal 11 | Department of Economic and Social Affairs. United Nations. Diperoleh pada Oktober 2, 2021, daripada <https://sdgs.un.org/goals/goal11>.
- Van der Veen, R. (2003). Community development as citizen education. *International Journal of Lifelong Education*, 22(6). 580-596.

- Wu, J. B., hom, P. W., Tetrick, L. E., Shore, l., M., Jia, L., Li., C., & Song, L. J. (2006). The norm of reciprocity: Scale development and validation in the Chinese context. *Management and Organization Review*, 2(3), 377-402.
- Youngman, F. (2000). *The Political Economy of Adult Education*. London: Zed Books.
- Zahid Emby, Asnarulkhadi Abu Samah, Mariani Mansor, Jamilah Othman, Hanina Halimatusaadiah (2008). *Pembangunan Modal Insan: Saluran Kemerdekaan Orang Asli Semenanjung Malaysia*. *Persidangan Perdana Pribumi Malaysia*. Anjuran Universiti Darul Iman Malaysia pada 25&26 Oktober 200, Dewan Al MuktafiBillah Kampus KUSZA, Gong Badak, Kuala Terengganu.